

PENYELIDIKAN UNTUK MANFAAT RAKYAT



IDRIS JUSOH (kiri) diberi penerangan mengenai penyelidikan yang dilakukan di Universiti Teknologi Petronas (UTP), Perak, pada 10 Januari lalu. GAMBAR HIASAN/UTUSAN

SOFIAN BAHAROM

23 Januari 2017 5:00 PM

SELAMA sedekad yang lalu, institusi pengajian tinggi (IPT) negara telah mengorak langkah yang amat memberangsangkan dalam bidang penyelidikan. Daripada RM 5.58 bilion yang dilaburkan oleh kerajaan untuk tujuan penyelidikan antara tahun 2007 hingga 2015, institusi tersebut berjaya menjana RM7.17 bilion yang adalah pulangan pelaburan penyelidikan sebanyak 28.5 peratus.

Jumlah itu termasuk hasil daripada penyelidikan fundamental merangkumi buku, pakar runding dan perkhidmatan selain penyelidikan komersial iaitu melibatkan produk serta harta intelek.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, hasil pelaburan kerajaan antaranya telah membawa kepada jumlah penerbitan yang tinggi sehingga membolehkan Malaysia mendahului Singapura dan Thailand.

Selain itu jelas beliau, menerusi pelaburan berkenaan, bilangan harta intelek dan paten yang difailkan telah berganda dan sitasi penerbitan bertambah membolehkan penyelidik kita diiktiraf sebagai 1 peratus terbaik dunia.

Secara langsung kata beliau, kedudukan atau ranking universiti awam (UA) dan swasta di peringkat dunia turut meningkat ekoran pencapaian dalam penyelidikan.

“Pada 2017 ini, selaras dengan Lonjakan 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 iaitu ekosistem inovasi, naratif sektor penyelidikan, perlu berganjak daripada membudayakan penyelidikan kepada penyelidikan yang boleh memberi manfaat terus kepada masyarakat.

“Persoalan yang berbangkit adalah, bagaimanakah penyelidikan di universiti dapat diterjemahkan sebagai penyelesaian kepada isu-isu nasional dan antarabangsa demi manfaat industri, ahli akademik, kerajaan dan paling penting sekali masyarakat?” kata beliau ketika berucap menyampaikan Amanat 2017 Menteri Pendidikan Tinggi di Putrajaya baru-baru ini.

Idris seterusnya mengumumkan bahawa 2017 sebagai tahun penyelidikan translasional dalam usaha memastikan penyelidikan mampu diterjemahkan bagi penyelesaian kepada isu nasional dan antarabangsa.

Sehubungan itu, kementerian akan menyediakan Pelan Tindakan Keutamaan Penyelidikan 2017 dalam menjayakan aspirasi berkenaan yang antara lain akan memberi fokus kepada program Grand Challenge, Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang bakal diterajui oleh universiti penyelidikan di negara ini.

Pelan berkenaan juga tambahannya, memberi tumpuan kepada penterjemahan penyelidikan agar ia fokus, lebih berharga dan relevan selain mempromosi bakat dalam kalangan penyelidik yang terbabit dalam bidang SDG serta revolusi industri keempat.

“Langkah ini turut memfokuskan kepada usaha memposisikan penyelidikan untuk keunggulan global selaras dengan Lonjakan 8 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025,” katanya.

Penyelidikan translational adalah penemuan daripada asas sains untuk meningkatkan kesihatan serta kesejahteraan manusia. Dalam konteks penyelidikan perubatan, translational bertujuan untuk 'menterjemah' penemuan dalam penyelidikan asas ke dalam amalan perubatan serta hasil kesihatan yang bermakna.

Mengulas lanjut, Idris berkata, antara contoh penyelidikan translational adalah penyelidikan padi oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berjaya meningkatkan hasil tanaman dan kualiti padi.

Selain itu, katanya, penyelidikan translational juga merangkumi penyelidikan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) tentang pengesanan virus zika yang digunakan sempena Sukan Olimpik di Brazil tahun lalu.

Sementara itu, Idris memberitahu, reka bentuk pengajaran dan pembelajaran pendidikan tinggi negara perlu berubah ke arah lebih aktif, interaktif, immersif, bersifat cabaran dan permainan peranan.

"Dengan cara itu kita dapat mencapai apex matlamat pendidikan dalam 'Bloom's Taxonomy' iaitu bukan hanya untuk mengingat tetapi untuk mencipta," katanya.

Idris berkata, konsep pengajaran dan pembelajaran di mana mahasiswa belajar secara sendiri dan hanya menjadi penerima ilmu semata-mata perlu - berubah kepada kaedah penghasil ilmu bersama atau co-curators of knowledge berikutan perkembangan pesat teknologi.

"Selain perubahan minda dalam kalangan warga pendidik, mereka bentuk semula pengajaran dan pembelajaran pendidikan tinggi juga akan dipacu beberapa teknologi terkini yang sedang berkembang pesat," katanya.

Beliau turut menzahirkan keterujaan terhadap masa depan pendidikan tinggi di negara ini. Dengan inisiatif tahun lalu yang kini membuahkan hasil, diikuti dengan agenda mereka bentuk pendidikan tinggi negara yang sedang mara ke hadapan, beliau percaya, sistem pendidikan tinggi kita sedang meningkat naik.

"Saya percaya bahawa sistem pendidikan tinggi Malaysia akan menjadi antara yang terbaik di dunia. Oleh itu, saya berharap seluruh warga pendidik dapat mereka bentuk pengajaran dan pembelajaran supaya lebih immersif, mahasiswa dapat dibentuk secara seimbang dan holistik.

“Dalam masa sama, penyelidik dapat menterjemahkan penyelidikan demi masyarakat, industri dapat menyumbang kepakaran, dan kesemua ini dipertingkatkan dengan asimilasi teknologi,” katanya.